

20 NOV 1998

MASIH TERLALU AWAL UNTUK BERCAKAP SOAL PEMILIHAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sesiapa juga boleh menyuarakan hasrat untuk bertanding dalam pemilihan parti itu tahun depan.

Bagaimanapun, katanya, masih terlalu awal untuk memperkatakan soal itu sekarang kerana pemilihan lambat lagi akan diadakan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan-laporan media mengenai beberapa orang daripada kalangan anggota parti yang dijangka bertanding jawatan pada pemilihan parti akan datang.

Semalam Tengku Razaleigh Hamzah menyatakan beliau bersedia menimbang untuk bertanding jawatan timbalan presiden parti sekiranya mendapat sokongan daripada anggota dan kepimpinan parti.

"Dia suaralah...tapi lambat lagi nak bertanding. Macam-macam boleh jadi sebelum itu," kata Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas beliau merasmikan Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia di sini.

Perhimpunan agung Umno dijadualkan pada Jun depan.

-- BERNAMA

ARA HS NMO